2.4 Semua pekerja perlu menunjukkan adab dan kesopanan yang baik.

3.0 KEROSAKAN KE ATAS HARTA BENDA

3.1 Petender dalam setiap masa akan menjalankan perkhidmatan dengan amanah dan berhati-hati untuk mengelakkan kerosakan ke atas harta benda Majlis dan akan bertanggungjawab menggantikan atas perbelanjaan sendiri apa-apa kerosakan yang berlaku semasa melaksanakan perkhidmatan di bawah tawaran yang diberikan.

4.0 KEHADIRAN PEKERJA / DENDA


4.1 Pada masa kekurangan pekerja pembersihan disebabkan oleh tidak hadir / cuti sakit atau cuti tahunan, Petender dikehendaki mengambil tindakan menyediakan pekerja sementara untuk mencukupkan bilangan pekerja mengikut kontrak. Kegagalan petender menyediakan pengganti akan menyebabkan pemotongan bayaran bulanan dibuat mengikut kadar denda seperti di Jadual.

4.2 Waktu-waktu lebih masa pekerja atau mana-mana waktu-waktu di luar jangkamasa akan ditanggung oleh pihak petender.

5.0 TEMPOH KONTRAK

Kontrak pencucian perkhidmatan penjagaan kebersihan bangunan dan kawasan persekitaran bagi aset-aset tersebut akan berkuatkuasa bagi tempoh dua puluh empat (24) bulan.

CONTOH PAPAN TANDA





6.0 SKOP BIDANG PERKHIDMATAN

6.1 PENYEDIAAN TENAGA

- 6.1.1 Petender dikehendaki menyediakan tenaga buruh bagi melaksanakan Perkhidmatan Penjagaan Kebersihan Bangunan Dan Kawasan Persekitaran Bagi Aset-Aset Berikut:
- a) **Kuarters Kakitangan MBSJ, Pangsapuri Permata Sari, Puchong**
Hari : Isnin hingga Jumaat
Masa : 7.00 pagi hingga 4.00 petang - 4 orang (lelaki & wanita)
- Hari : Isnin hingga Jumaat (Taska Kuarters)
Masa : 7.30 pagi hingga 4.30 petang - 2 orang (wanita)
- b) **Perpustakaan Hipermedia MBSJ, Bandar Puteri, Puchong**
Hari : Isnin hingga Jumaat
Masa : 7.00 pagi hingga 4.00 petang (4 orang)
- Hari : Sabtu
Masa : 8.00 pagi hingga 2.00 petang (1 orang)
- Hari : Ahad
Masa : 8.00 pagi hingga 2.00 petang (1 orang)
- c) **Tandas Awam Taman Tasik Wawasan, Puchong**
Hari : Isnin hingga Ahad
Masa : 7.00 pagi hingga 4.00 petang (1 orang)
- 6.1.2 Sekiranya petender mengambil warganegara asing sebagai pekerja, individu tersebut mestilah mempunyai dokumen dan permit yang sah mengikut undang-undang kerajaan Malaysia.
- 6.1.3 Perkhidmatan pembersihan melibatkan bangunan luar, tempat guna sama, pondok pengawal, taman permainan, tempat letak kereta, koridor, tangga, bangunan Taska, ruang pejabat, tandas awam, surau, rumah sampah, longkang dan kawasan persekitaran.
- 6.1.4 Memastikan keseluruhan ruang pangsapuri (kuarters) seperti ruang 'foyer' dan ruang tangga setiap blok (daripada tingkat bawah sehingga tingkat empat) sentiasa bersih (tidak termasuk di dalam unit-unit kuarters) dan tiada sampah bertaburan sepanjang masa dengan kerja-kerja penyapuan sampah dijalankan tiga (3) kali sehari atau setiap kali ternampak sampah.
- 6.1.5 Menjalankan kerja-kerja mencuci dan mengemop lantai di keseluruhan ruang 'foyer' bangunan, surau dan bilik gerakan sebanyak dua (2) kali sehari dan setiap kali ada kekotoran.

- 6.1.6 Mengelap keseluruhan peralatan perabot pejabat, kipas, lampu, pintu, tingkap, railing tangga, peti surat, cermin papan kenyataan dan lain-lain peralatan yang berkaitan dengannya di setiap blok kuarters,
- 6.1.7 Membuang sawang dan sarang labah-labah dua (2) minggu sekali.
- 6.1.8 Menggunakan mesin hampagas (vakum) karpet di ruang surau sebanyak satu (1) kali sehari dan selepas aktiviti diadakan.
- 6.1.9 Mencuci keseluruhan R.W.D.P (*Rain Water Down Pipe*) di setiap blok pangsapuri ini daripada kekotoran supaya bersih dan tidak tersumbat sebanyak empat (4) kali setahun.
- 6.1.1 Mencuci dan membasuh tandas taska, di surau dan pondok pengawal serta memastikan lantai, dinding dan peralatan tandas sentiasa bersih, kering dan tidak berbau. Pihak kontraktor dikehendaki :
- i. Pencucian dan pembersihan hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:-
 - a) Menanggal, mencuci dan menyapu kotoran seperti debu, tanah, lumpur dan sebagainya (sampah-sarap).
 - b) Menanggal, mencuci dan menyapu daki kotoran (*external stains*) di semua permukaan di mana-mana berkenaan.
 - c) Membersih pelbagai jenis permukaan supaya selamat digunakan, selesa dan sempurna.
 - d) Membersihkan dengan cara tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan.
 - ii. Kerja-karya pembersihan di semua tempat hendaklah dilakukan tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.
 - iii. Menyediakan tong sampah secukupnya dan menggunakan karung plastik untuk pelupusan sampah.
- 6.1.2 Kontraktor dikehendaki **menetapkan dua (2) orang pekerja wanita** bagi melaksanakan kerja-kerja pembersihan di enam (6) unit Taska Permata Sari dimana pekerja tersebut hendaklah berusia tidak melebihi 50 tahun disahkan sihat, mampu dan berupaya untuk bekerja setiap hari (Isnin-Jumaat). Jadual kerja bagi pembersihan Taska Permata Sari seperti di Para 6.1.1.
- 6.1.3 Kontraktor dikehendaki mengadakan dan menyediakan dengan secukupnya keperluan peralatan kerja tiap-tiap hari bekerja iaitu:-
- i. Peralatan pembersihan seperti peralatan mengemop, tong sampah kecil dalam tandas, pengelap cermin, plastik sampah, mesin penembak air (*water jet*), mesin hampagas (*vacuum*) dan lain-lain peralatan yang berkaitan untuk pembersihan keseluruhan taska ini.
 - ii. Menggunakan bahan pencuci yang bersesuaian untuk taska ini.

6.1.4 Skop Bidang Kerja (Taska Kuarters)

- i. Memastikan setiap ruang (ruang tamu, bilik-bilik, ruang makan, dapur dan stor) sentiasa bersih dan tiada sampah bertaburan. Menyapu sampah 3 kali sehari dan setiap kali terdapat sampah.
- ii. Mencuci dan mengemop lantai di keseluruhan bangunan taska dua (2) kali sehari dan tiap kali ada kotoran.
- iii. Mencuci longkang di sekeliling kawasan dua (2) kali sehari.
- iv. Membersihkan sum (*manhole*) yang tersumbat serta membuang segala sampah sarap menggunakan mesin penembak air (*water jet*) atau peralatan berkaitan termasuk membersihkan saluran perpaipan antara sum (*manhole*).
- v. Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah.
- vi. Membuang sawang dan sarang labah-labah dua (2) kali sebulan.
- vii. Membersihkan sampah-sampah yang tersumbat di dalam sinki atau *floor trap*.
- viii. Membersih segala peralatan seperti kipas, cermin kaca, pintu, tingkap, lampu, papan tanda dan lain-lain setiap hari.
- ix. Menyedia dan menggunakan bahan pencuci yang bersesuaian untuk melaksanakan kerja-kerja pembersihan.
- x. Menggunakan mesin hampagas (*vacuum*) di semua ruang berkapet dua (2) hari sekali atau setiap kali terdapat kekotoran.
- xi. Menjalankan 'deep cleaning' setiap hari sabtu bagi keseluruhan ruang-ruang dan bilik-bilik di bahagian dalam taska setiap minggu.
- xii. Memastikan tandas hendaklah sentiasa bersih, selesa digunakan dan tiada bau yang tidak menyenangkan.
- xiii. Menanggal, mencuci dan menyapu kekotoran seperti debu, tanah, lumpur dan sebagainya (sampah sarap)
- xiv. Menanggal, mencuci dan menyapu daki kotoran (*external stains*) di semua permukaan di mana-mana berkenaan.
- xv. Membersih pelbagai jenis permukaan supaya selamat digunakan, selesa dan sempurna.
- xvi. Membersih dengan cara tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan. Kerja-kerja pembersihan di semua tempat hendaklah dilakukan tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.
- xvii. Mencuci dan membasuh tandas tersebut dengan bahan pencuci yang bersesuaian.
- xviii. Menyediakan sabun pencucian tangan yang mencukupi serta memastikan mesin pengering tangan sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
- xix. Menyediakan kemudahan tong-tong yang bersesuaian untuk perkhidmatan pembuangan lampin pakai buang atau 'diaper' dan memastikan ia dibuang dengan sempurna.
- xx. Menyediakan tong sampah secukupnya dan menggunakan karung plastik untuk pelupusan sampah.

- xxi. Memastikan bekalan air dan elektrik mencukupi dan berfungsi dengan sempurna setiap masa.
- xxii. Memastikan tandas-tandas tersebut sentiasa di cuci pada atau sebelum jam 7.30 pagi iaitu sebelum ibu bapa atau penjaga menghantar anak mereka ke taska setiap hari.

KERJA-KERJA PEMBERSIHAN KAWASAN PERSEKITARAN PANGSAPURI KUARTERS

- 6.2.1 Mencuci longkang di sekeliling kawasan kuarters sebanyak satu (1) kali setiap hari dan setiap kali ada kekotoran.
- 6.2.2 Mencuci laluan ampaian di Blok Delima dan Blok Nilam dengan menggunakan peralatan yang sesuai termasuk mesin penembak air (water jet) dan sebagainya serta membuang rumput-rumput kecil sebanyak satu (1) kali setiap hari dan setiap kali ada kekotoran.
- 6.2.3 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membasuh tempat pembuangan sampah dua (2) kali sehari atau setiap kali sampah diangkat oleh pihak kontraktor sampah.
- 6.2.4 Kontraktor dikehendaki membersihkan dan menyapu keseluruhan kawasan tempat letak kereta, koridor dan lain-lain kawasan di kuarters sebanyak dua (2) kali sehari termasuk mengutip dan mengangkat sampah sarap seperti plastik, kertas, kaca dan lain-lain. Sampah ini hendaklah dibuang di tempat pembuangan sampah.
- 6.2.5 Kontraktor dikehendaki mencuci dan menyelenggara semua kemudahan awam dan perabot taman seperti laluan siar kaki, peralatan permainan, bangku rehat, alatan senaman dan sebagainya seperti mengelap, menyisir kekotak, pasu bunga, menegak semula kekotak/pasu bunga yang tumbang atau senget dan membuang rumput liar di laluan siar kaki atau dinding kekotak/pasu serta mengambil gambar foto bertarikh kemudahan awam yang rosak, merbahaya sebelum/semasa bagi tindakan atau sebagainya mengikut arahan Pegawai Penyelia atau wakilnya.

6.2 PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN TANDAS

- 6.2.6 Memastikan tandas hendaklah sentiasa bersih, selesa digunakan dan tiada bau yang tidak menyenangkan.
- 6.2.7 Menanggal, mencuci dan menyapu kekotoran seperti debu, tanah, lumpur dan sebagainya (sampah sarap)
- 6.2.8 Menanggal, mencuci dan menyapu daki kotoran (*'external stains'*) di semua permukaan di mana-mana yang berkenaan.

- 6.2.9 Membersih pelbagai jenis permukaan supaya selamat digunakan, selesa dan sempurna.
- 6.2.10 Membersih dengan cara tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan.
- 6.2.11 Membuang sawang sarang labah-labah dan sampah di dalam atau perkarangan tandas tersebut.
- 6.2.12 Perkhidmatan pembersihan di semua tempat hendaklah dilakukan tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.
- 6.2.13 Mencuci dan membasuh tandas tersebut dengan bahan pencuci yang bersesuaian.
- 6.2.14 Menyediakan sabun pencucian tangan dan tisu tandas yang mencukupi serta memastikan mesin pengering tangan dan pewangi udara sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan.
- 6.2.15 Menyediakan tong sampah secukupnya dan menggunakan karung plastik untuk pelupusan sampah.
- 6.2.16 Memastikan bekalan air dan elektrik mencukupi dan berfungsi dengan sempurna setiap masa.
- 6.2.17 Memastikan tandas-tandas tersebut sentiasa dibuka untuk kemudahan orang ramai dan ianya dibersihkan setiap hari.
- 6.2.18 Menyediakan dan memastikan Jadual Perkhidmatan Pencucian Tandas dilengkapkan pada setiap masa oleh pekerja pembersihan dan dipamerkan di ruang yang bersesuaian untuk memudahkan pihak Majlis atau wakilnya melakukan semakan semasa lawat periksa dijalankan.
- 6.2.19 Memastikan peralatan kerja disusun dan disimpan dengan baik di ruang yang bersesuaian tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.

6.3 PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN SURAU (KUARTERS & PERPUSTAKAAN HIPERMEDIA)

- 6.3.1 Mencuci dan mengemop lantai di keseluruhan ruang surau tiga (3) kali sehari dan setiap kali ada kekotoran.
- 6.3.2 Membersihkan segala peralatan seperti kipas dan lain-lain dua (2) kali dalam seminggu atau setiap kali ada kekotoran.
- 6.3.3 Memastikan surau sentiasa bersih daripada kekotoran dua (2) kali sehari.
- 6.3.4 Menggunakan mesin hampagas (*vacum*) di semua ruang berkarpet dua (2) hari sekali atau setiap kali ada kekotoran.

- 6.3.5 Membuang sawang dan sarang labah-labah satu(1) kali dalam sebulan.
- 6.3.6 Membersih pelbagai jenis permukaan supaya selamat digunakan, selesa dan sempurna.
- 6.3.7 Membersihkan dengan cara tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan.
- 6.3.8 Perkhidmatan pembersihan di semua tempat hendaklah dilakukan tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.
- 6.3.9 Memastikan bekalan air dan elektrik mencukupi dan berfungsi dengan sempurna setiap masa.
- 6.3.10 Menyediakan dan menggunakan bahan pencuci yang bersesuaian untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan di atas.
- 6.3.11 Memastikan peralatan kerja disusun dan disimpan dengan baik di ruang yang bersesuaian tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.

6.4 PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN BANGUNAN (PERPUSTAKAAN HIPERMEDIA)

- 6.4.1 Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membersihkan dan membasuh tempat pembuangan sampah dua (2) kali sehari atau setiap kali sampah diangkut oleh kontraktor.
- 6.4.2 Menjalankan kerja-kerja mencuci dan mengemop lantai di keseluruhan ruang bangunan, lif dan ruang tangga serta kabin pejabat Jabatan Penguatkuasa (Unit Tunda) sebanyak dua (2) kali sehari dan setiap kali ada kekotoran.
- 6.4.3 Mengelap keseluruhan peralatan perabot pejabat, kipas, lampu, pintu, tingkap, railing tangga, cermin papan kenyataan dan lain-lain peralatan yang berkaitan dengannya di keseluruhan bangunan perpustakaan dan pejabat satu (1) minggu sekali atau setiap kali ada kekotoran.
- 6.4.4 Membuang sawang dan sarang labah-labah dua (2) minggu sekali di dalam dan luar bangunan.
- 6.4.5 Mengangkat dan membuang sampah di pejabat ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah. Sila pastikan karung plastik disediakan dan diganti semula setiap kali pelupusan sampah dibuat.
- 6.4.6 Membersihkan karpet dengan menggunakan mesin hampagas atau menyapu lantai (yang mana berkaitan) di setiap ruang bangunan perpustakaan dan pejabat sebanyak satu (1) kali sehari dan selepas aktiviti diadakan.
- 6.4.7 Membersihkan dan mengelap permukaan cermin di luar bangunan.
- 6.4.8 Mencuci dan membasuh tandas lelaki dan perempuan serta memastikan lantai, dinding dan peralatan tandas sentiasa bersih, kering

dan tidak berbau. Pencucian dan pembersihan hendaklah merangkumi perkara-perkara berikut:

- Menanggal, mencuci dan menyapu kotoran seperti debu, tanah, lumpur dan sebagainya (sampah-sarap).
- a) Menanggal, mencuci dan menyapu dari kotoran (*external stains*) di semua permukaan di mana-mana berkenaan.
 - b) Membersih pelbagai jenis permukaan supaya selamat digunakan, selesa dan sempurna.
 - c) Membersihkan dengan cara tidak merosakkan semua peralatan dan permukaan.
 - d) Menyediakan dan memastikan jadual kerja-kerja pencucian tandas dilengkapkan pada setiap masa oleh pekerja syarikat dan dipamerkan di ruang yang bersesuaian untuk memudahkan dilihat semasa lawat periksa oleh pegawai Majlis.
 - e) Memastikan peralatan kerja disusun dan disimpan dengan baik di ruang yang bersesuaian tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.
 - f) Kerja-kerja pembersihan di semua tempat hendaklah dilakukan tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.
 - g) Menyediakan sabun pencucian tangan dan tisu tandas yang mencukupi pada setiap masa serta memastikan mesin pengering tangan sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan (jika berkaitan).
 - h) Menyediakan pokok bunga dalam kuantiti bersesuaian bagi memberikan suasana yang ceria kepada pengguna.
 - i) Membuang sawang sarang labah-labah dan sampah di dalam atau perkarangan tandas tersebut.
 - j) Menyediakan tong sampah secukupnya dan menggunakan karung plastik untuk pelupusan sampah.

6.5 PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN RUMAH SAMPAH (KUARTERS & PERPUSTAKAAN HIPERMEDIA)

- 6.5.1 Mencuci Mengangkat dan membuang sampah ke dalam tong sampah yang disediakan di tempat pembuangan sampah termasuk membersihkan dan membasuh tempat pembuangan sampah dua (2) kali sehari atau setiap kali sampah diangkut oleh kontraktor.
- 6.5.2 Membuang sawang dan sarang labah-labah satu (1) kali dalam sebulan.
- 6.5.3 Menyediakan dan menggunakan bahan pencuci yang bersesuaian untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan di atas.
- 6.5.4 Memastikan peralatan kerja disusun dan disimpan dengan baik di ruang yang bersesuaian tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.

6.6 PERKHIDMATAN PEMBERSIHAN LONGKANG

- 6.6.1 Mencuci dan membasuh longkang kecil di sekeliling bangunan, tandas awam, surau, rumah sampah dan kawasan persekitaran sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari dan memungut sampah di dalam longkang setiap kali terdapat sampah.
- 6.6.2 Membersihkan sampah-sampah yang tersumbat di dalam longkang, atau *floor trap*.
- 6.6.3 Membersihkan sum (*manhole*) yang tersumbat serta membuang segala sampah sarap menggunakan mesin penembak air (*water jet*) atau peralatan berkaitan termasuk membersihkan saluran perpaipan antara sum (*manhole*).
- 6.6.4 Menyediakan dan menggunakan bahan pencuci yang bersesuaian untuk melaksanakan perkhidmatan pembersihan di atas.
- 6.6.5 Memastikan peralatan kerja disusun dan disimpan dengan baik diruang yang bersesuaian tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.

6.7 PENYELENGGARAAN KAWASAN SEKITAR

- 6.7.1 Membersihkan seluruh kawasan setiap hari termasuk mengutip dan mengangkat sampah sarap seperti kertas, plastik, kaca, batu, tin minuman termasuk sampah kebun seperti daun, pelepah, dahan pokok dan lain-lain seakan dengannya dua (2) kali sehari (pagi dan petang) atau tiap kali terdapat kekotoran.

6.8 PERKHIDMATAN PEMOTONGAN RUMPUT (KUARTERS & PERPUSTAKAAN HIPERMEDIA)

- 6.8.1 Membersihkan Kontraktor dikehendaki melaksanakan pemotongan rumput di kawasan sekitar kuarters dan perpustakaan hipermedia tersebut dengan kekerapan dua (2) kali sebulan serta memastikan rumput-rumput yang telah dipotong diuruskan dengan baik dan kawasan lokasi pemotongan rumput dibersihkan serta dibuang pada hari pemotongan rumput itu juga. Pemotongan tuntutan bayaran akan dikenakan sekiranya didapati kontraktor gagal dalam melaksanakan perkara tersebut (sila rujuk jadual 2).

6.9 PENYELENGGARAAN KAWASAN SEKITAR (KUARTERS & PERPUSTAKAAN HIPERMEDIA)

- 6.9.1 Membersihkan Membersihkan seluruh kawasan tempat letak kereta setiap hari termasuk mengutip dan mengangkat sampah sarap seperti kertas, plastik, kaca, batu, tin minuman dan termasuk sampah kebun seperti daun, pelepah, dahan pokok dan lain-lain seakan dengannya dua (2) kali sehari (pagi dan petang) atau tiap kali terdapat kekotoran.
- 6.9.2 Memastikan tempat letak kereta dan kawasan sekitar sentiasa bersih dan tiada sampah bertaburan. Menyapu sampah tiga (3) kali sehari dan setiap kali terdapat sampah.

- 6.9.3 Mencuci dan membasuh longkang kecil di sekeliling kawasan sekurang-kurangnya dua (2) kali sehari dan memungut sampah di dalam longkang setiap kali terdapat sampah.
- 6.9.4 Membersihkan sampah-sampah yang tersumbat di dalam longkang atau floor trap.
- 6.9.5 Membersihkan sum (manhole) yang tersumbat serta membuang segala sampah sarap menggunakan mesin penembak air (water jet) dan peralatan berkaitan termasuk membersihkan saluran perpaipan antara sum (manhole).
- 6.9.6 Menyapu sampah tiga (3) kali sehari dan setiap kali terdapat sampah.
- 6.9.7 Menyedia dan menggunakan bahan pencuci yang bersesuaian untuk melaksanakan Perkhidmatan pembersihan di atas.
- 6.9.8 Memastikan peralatan kerja disusun dan disimpan dengan baik diruang yang bersesuaian tanpa sebarang gangguan kepada pengguna.
- 6.9.9 Memotong rumput setiap dua (2) kali sebulan dan memelihara landskap di kawasan persekitaran.
- 6.9.10 Kontraktor dikehendaki menjalankan kerja-kerja pembersihan kawasan di sekitar dan sekeliling kawasan tiap-tiap hari. Ini termasuklah mengutip segala sampah-sarap yang tidak diinginkan seperti kertas, plastik, kaca, batu, tin minuman dan lain-lain. Segala dahan, pelepah, daun, ranting kering yang gugur mesti dibersihkan dan dimasukkan ke dalam plastik berwarna biru dan dibuang ke tempat pelupusan sampah yang dibenarkan oleh pihak MBSJ pada hari itu juga. Pemotongan RM 50.00 akan dilaksanakan sekiranya sampah tidak diangkat. Kontraktor juga dikehendaki membuang batu pada rumput dan membersihkan tumbuhan asing (jika ada).
- 6.9.11 Kontraktor juga bertanggungjawab menjaga, menyiram dan mencantas pokok-pokok hiasan milik Majlis di kawasan persekitaran.

6.10 PERKHIDMATAN DISINFEKSI (PENYAHKUMAN)

- 6.10.1 Pembersihan lantai dan permukaan peralatan
 - i. Sekurangnyanya 2 kali sehari.
 - ii. Disinfeksi yang digunakan untuk perkhidmatan sanitasi awam di luar bangunan hendaklah mengandungi 0.5% (20%) bahan kimia jenis sodium hypochlorite.
 - iii. Untuk disinfeksi dalam bangunan adalah jenis Hypochlorite dengan kepekatan 0.1%-0.5% atau Ethanol kepekatan 70%.
 - iv. Contoh nisbah campuran 1:9 iaitu 1 bahagian disinfeksi dan 9 bahagian air.

Catatan : Sila baca kaedah bancuhan yang tertera pada label.

- 6.10.2 Disinfeksi hendaklah dilakukan di permukaan yang kerap disentuh seperti tombol pintu, permukaan meja, kepala paip, permukaan lantai,

sinki tempat cuci tangan, butang lif, peti surat, rel pemegang tangan dan lain-lain bahagian yang sentiasa disentuh oleh orang ramai.

6.10.3 Peralatan muka & hidung, mop, baldi, sarung tangan, kain lap dan botol spray, spray can.

6.10.4 Semasa perkhidmatan sanitasi dijalankan

- i. Pastikan pekerja-pekerja dalam keadaan sihat (tiada batuk, demam atau selesema).
- ii. Sentiasa memakai peralatan perlindungan diri (PPE) semasa menjalankan perkhidmatan sanitasi.
- iii. Mematuhi SOP yang ditetapkan seperti penjarakkan sosial.

6.10.5 Semasa Selepas sanitasi

- i. Pastikan semua peralatan yang digunakan dibersihkan
- ii. Semua pakaian yang dipakai hendaklah dicuci bersih
- iii. Dilarang mendekati ahli keluarga semasa mula masuk ke rumah hendaklah mandi dan membersihkan diri terlebih dahulu.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN L

KADAR DENDA

KADAR DENDA BAGI PERKHIDMATAN YANG TIDAK MENGIKUT SENARAI KUANTITI

1	POTONG RUMPUT	
1.1	Rumput yang tidak di potong.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi.
1.2	Potongan tidak sempurna dan tidak dibersihkan.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi.
1.3	Rumput yang telah di potong tidak dikutip.	RM50.00 satu beg hitam besar.
2	CUCI LONGKANG / SAPU SAMPAH	
2.1	Longkang tidak dibersihkan	RM50.00 bagi setiap 50 kaki panjang longkang.
3	CUCI LANTAI / SAPU KAWASAN	
3.1	Lantai tidak disapu.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi keluasan lantai.
3.2	Lantai tidak dibasuh.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi keluasan lantai.
3.3	Kawasan tidak disapu / dibersihkan.	RM50.00 bagi setiap 100 kaki persegi keluasan lantai.
3.4	Sampah-sampah sapuan dibiarkan berlonggokan.	RM50.00 satu beg hitam besar.
3.5	Kipas tidak dibersihkan.	RM50.00 bagi setiap satu unit kipas.
3.6	Siling tidak dibersihkan	RM 50.00 setiap 100 kaki persegi keluasan lantai
4	MEMBERSIHKAN TANDAS	
4.1	Tandas tidak dicuci.	RM50.00 bagi setiap satu unit tandas.
4.2	Singki tidak dicuci.	RM50.00 bagi satu unit singki.
4.3	Sampah yang dikeluarkan dari longkang dibiarkan berlonggokan dan tidak dibersihkan dengan sempurna.	RM50.00 satu beg hitam besar
4.4	Tidak menyediakan tisu tandas, cecair pencuci tangan dan pewangi udara.	RM10.00 satu setiap satu item



5	MENJAGA DAN MEMBAJA POKOK-POKOK BUNGA DI DALAM KAWASAN PENJAGAAN	
	5.1 Pokok-pokok tidak dijaga dengan baik.	RM50.00 sepokok
	5.2 Pokok-pokok tidak dibaja.	RM50.00 sepokok
6	TONG SAMPAH KECIL/BESAR	
	6.1 Tong sampah kecil tidak dibersihkan.	RM50.00 satu tong kecil.
7	PEKERJA	
	7.1 Bilangan pekerja tidak mencukupi.	RM50.00 seorang
	7.2 Pekerja tidak memakai jaket / pakaian seragam.	RM50.00 seorang
8	BANGKAI BINATANG	
	8.1 Bangkai tidak diangkat dengan segera.	RM100.00 seekor
9	DAYA KECEKAPAN KONTRAKTOR	
	9.1 Kakitangan tidak memakai pakaian seragam yang ada nama syarikat.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
	9.2 Kecekapan dan keberkesanan mengatasi aduan kebersihan.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
10	PEMBAIKAN KEROSAKAN KECIL	
	10.1 Tidak membuat aduan bertulis.	RM50.00 setiap kali lawatan dari pihak Majlis.
11	DOKUMEN/LAPORAN TUNTUTAN PEMBAYARAN	
	11.1 Dokumen tuntutan tidak lengkap dan tidak teratur.	RM50.00 setiap bagi setiap helaian dokumen tuntutan pembayaran.
	11.2 Penggunaan gambar 'recycle' dalam laporan tuntutan pembayaran.	RM200.00 bagi setiap gambar.



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA


BAHAGIAN M

PELAN LOKASI / GAMBAR




	KUARTERS KAKITANGAN MBSJ, PERMATA SARI, PUSAT BANDAR PUCHONG, PUCHONG	DISEDIAKAN OLEH: JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA
---	--	--

Dokumen Meja Terkawal



**PERPUSTAKAAN HIPERMEDIA MBSJ,
BANDAR PUTERI, PUCHONG**

DISEDIAKAN OLEH:
JABATAN PENILAIAN
DAN PENGURUSAN HARTA



 **TANDAS AWAM TAMAN TASIK WAWASAN, PUSAT BANDAR PUCHONG**  DISEDIAKAN OLEH: JABATAN PENILAIAN DAN PENGURUSAN HARTA, MBSJ



MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

BAHAGIAN N

MAKLUMAT PETENDER